

# Qalam

Bilangan 106 Zulkaedah 1378 Mei 1959 60 sen

## Majlis Fatwa

Beberapa lama dahulu kita telah mengemukakan supaya di Persekutuan Tanah Melayu diadakan suatu Majlis Fatwa yang diletakkan di bawah pertadbiran<sup>1</sup> pemegang mohor raja-raja Melayu untuk memberi fatwa kepada am mengenai hukum yang bersabit dengan agama Islam yang kerap kali berbangkit pertelingkahan di dalamnya.

Sebab-sebab kita mengemukakan supaya majlis ini diadakan ialah kerana di dalam negeri-negeri Melayu ada banyak jabatan-jabatan agama bagi negeri masing-masing yang berhak, untuk daerahnya, memberi fatwa mengenai perkara-perkara agama untuk daerahnya dan kerana banyaknya jabatan ini timbulah berlain-lainan faham sehingga menjadikan orang-orang awam bingung – tak tahu yang mana hendak diikut disebabkan kebanyakan fatwa-fatwa yang diberi itu kurang penjelasan dan kurang luas kenyataannya dan bertambah pula dicampur di dalamnya dengan perasaan perseorangan.

Kerana itu, di dalam banyak hal, apabila terbit sesuatu masalah maka timbulah banyak perbahasan dan pertentangan sehingga orang-orang awam tidak dapat hendak memegang mana satu fatwa, antara fatwa-fatwa itu yang hendak dipegang. Kerana itu maka Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah sewajibnya mengadakan satu Majlis Fatwa,

yang ahli-ahlinya terdiri daripada ulama-ulama dari jabatan-jabatan agama di seluruh Tanah Melayu – dan mengambil pula ulama-ulama dari luar yang difikirkan munasabah – boleh membahas dan memberi pendapat di dalam sesuatu perkara.

Di dalam Majlis Fatwa itu hendaklah pula ada tenaga ahli yang bakal menghuraikan sesuatu masalah yang berbangkit. Tenaga ahli ini sangat perlu adanya terutamanya di dalam perkara-perkara mengenai undang-undang dan perhubatan<sup>2</sup> – dan di dalam lain-lain perkara untuk membentang dan meghuraikan masalah itu supaya ulama-ulama itu kelak dapat mengenal rupa perkara yang dibahas dengan tepat, tidak main raba-raba sahaja kerana dengan meraba-raba itu tentunya membawa kepada perasaan semata – sedang hukum tidak dapat diberi dengan muktamadnya – sebab ia sendiri tidak cukup kenal kepada benda yang dipersoalkan.

Tenaga ahli ini sangat mustahak kerana Rasulullah sendiri menyatakan bahawa sesuatu pekerjaan yang dijalankan oleh orang yang bukan ahlinya maka jagalah kebinasaannya. Kebanyakan ulama, umpamanya tidak ahli di dalam ilmu perhubatan, khasnya di dalam perhubatan moden. Apabila seseorang ulama, atau sesuatu lujnah hendak menghukumkan tentang menyekat beranak atau *birth control* maka kita yakin alim ulama Islam kita yang ada sekarang bukanlah ahli di dalam masalah cara menjalankan *birth control* itu. Sedang *birth control* itu cara yang ada sekarang tidak pernah ada di dalam masa Rasulullah dahulu. Kerana itu sebelum memberi hukuman kepada masalah ini maka adalah berkewajipan bagi ulama itu mengenal lebih dahulu akan benda yang hendak dihukumkannya itu kerana bagaimanakah ia hendak menghukumkan sesuatu kalau ia sendiri tidak kenal kepadanya?

<sup>1</sup> pentadbiran

<sup>2</sup> perubatan

Kerana itu maka mustahaklah ahlinya ditanya iaitu tabib khas yang mengerti benar-benar di dalam penyelidikan mengenai sekatan beranak atau *birth control* itu. Ia hendaklah menerangkan satu persatu tentang perkembangan di dalam rahim perempuan, perkembangan tumbuhnya kanak-kanak, rosaknya dan bencananya kalau digugukan<sup>1</sup>, tumbuhnya kanak-kanak dan bagaimana cara satu persatu sekatan beranak itu, jenis-jenisnya dan rupanya, kesannya dan perkembangannya.

Setelah ulama-ulama mendapati perkara-perkara yang tersebut maka hendaklah ia menyelidikinya satu persatu dan mengadakan pemeriksaan di atas masalah itu. Ulama-ulama ahli tafsir hendaklah memeriksa di dalam perkara itu di dalam tafsir-tafsir dan perkembangannya, demikian juga ulama ahli diambil qiyās atau iktibar di dalam perkara itu. Demikian juga ulama-ulama ahli fiqh mencari masalahnya di dalam kitab-kitab fiqh. Sesudah ini didapati maka baharulah dirundingkan dan dibahas kemudian dengan atau suara baharulah diberi fatwa dengannya – tidak seperti sekarang masalahnya tidak cukup dikenal dan fatwanya bertentangan di antara satu dengan lain – tidak terikat di dalam satu.

Dengan adanya agama Islam menjadi agama rasmi hadis memeriksa hal itu daripada hadis-hadis yang boleh Persekutuan Tanah Melayu maka mengadakan Majlis Fatwa yang satu bagi seluruh Tanah Melayu telah sampai masanya mesti diadakan kerana dengan ini sahaja jalannya pertelingkahan dapat diatasi dengan di dalamnya diberi hujah-hujah berbagai-bagai pendapat dengan akhirnya diberi kesimpulan pendapat di antara semua ulama yang ada di situ.

Ulama-ulama kita tidaklah lagi mustahak hanya berpendapat ia sahaja yang benar sedang pendapat orang lain tidak benar dan tidak betul. Berundinglah dan bermunāẓarahlah dengan cara yang tenang dan beralasan supaya kedudukan ulama-ulama benar-benar mewarisi *anbiyā'*. Selagi

ulama-ulama tidak mau berbahas dengan baik dan bijaksana maka selama itulah umat akan binasa dan mereka itu kelak akan ditanya tentang ini di hari kemudian. Mudah-mudahan kita bersama-sama beringat dalam perkara ini.

Kita berharap pemegang mohor raja-raja Melayu di Persekutuan Tanah Melayu akan mengambil langkah mengusahakan supaya Majlis Fatwa Ulama-ulama se-Tanah Melayu diadakan dengan segera – dan Majlis-majlis Agama masing-masing negeri hendaklah bersama-sama di dalam memberi fatwa di bawah saluran yang satu itu dengan tidak lagi masing-masing memberi fatwa berasing-asingan adanya.

### **Menentukan Tempat Khas di Masjid**

Telah disampaikan kepada kita bahawa Masjid Jamek Kuala Lumpur di dalam masa mengadakan sembahyang Hari Raya baharu-baharu ini telah menimbulkan suatu perkara yang seyogianya tidak ada di dalam agama Islam dan kesuciannya.

Perkara itu dikatakan berlaku ialah orang-orang yang telah datang lebih dahulu di bahagian hadapan telah diminta supaya berundur dari situ kerana kononnya tempat-tempat di hadapan itu dikhaskan bagi raja dan menteri-menteri.

Jika benar perkara ini berlaku maka adalah sangat-sangat didukacitakan kerana beza-membezakan rupanya sampai pula di dalam masjid, di dalam rumah Tuhan, yang bukanlah tempat monopoli, siapa yang dahulu mestilah didahulukan walau siapapun ia kerana di dalam menghadap Tuhan tidak ada bezanya di antara kaya dan miskin.

Kita berharap hal-hal membeza-bezakan di rumah Allah ini tidaklah hendaknya berlaku lagi. Tidak ada kelak tempat-tempat istimewa bagi seseorang menteri. Tidaklah hendaknya ada tempat-tempat khas bagi seseorang kerana demikian itu menyekat kebiasaan beragama dan menimbulkan tinggi tidak beza membezakan di antara makhluk-Nya. Masjid itu rendah dalam Islam.

---

<sup>1</sup> digugurkan